

25.1.2022

SIARAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PBAPP MENGGERAKKAN SUMBER DAN PERANCANGAN SETERUSNYA UNTUK SELESAI ISU TEKANAN AIR RENDAH DI SPS

- **Lokasi:** Kawasan perumahan tanah tinggi dan hujung paip agihan.
- **Punca:** Permintaan air pada waktu puncak yang tinggi dan “*air lock*” saluran paip serta premis kediaman tanpa tangki air atau tangki air yang tidak diselenggara dengan baik.
- **PBAPP** sedang melaksanakan penyelesaian jangka pendek di kawasan yang terjejas. Projek infrastruktur bekalan air jangka panjang telah dijadualkan untuk dilaksanakan mulai 2022.

PULAU PINANG, Selasa, 25.1.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah mula melaksanakan tindakan pemulihan jangka pendek berikut untuk menangani aduan “tekanan air rendah” di beberapa kawasan perumahan di Seberang Perai Selatan (SPS):

1. Menambah baik dan mengkonfigurasi semula rangkaian bekalan air sedia ada untuk memastikan tekanan air yang baik dan konsisten di kawasan perumahan;
2. Menghubungkan “paip-paip mati” di lokasi-lokasi strategik bagi memastikan tekanan agihan air yang baik;
3. Mempergiatkan pemeriksaan untuk kebocoran, kerosakan injap atau “*air lock*” dalam sesalur utama dan saluran paip, dan menjalankan kerja “*de-airing*” jika diperlukan.
4. Membaiki (atau mengganti) semua saluran paip dan injap bocor dalam masa sesingkat mungkin.

5. Menempatkan kakitangan PBAPP secara bergilir-gilir dari semasa ke semasa di rumah pam di kawasan terjejas untuk memantau tekanan air.
6. Pemasangan tangki air statik komuniti di beberapa kawasan.
7. Meletakkan lori tangki air dalam keadaan siap sedia untuk digunakan apabila perakam tekanan PBAPP mengesan gangguan bekalan air lebih 24 jam.

Kawasan yang terjejas

PBAPP telah menerima aduan berhubung tekanan air rendah daripada pengguna air di SPS khususnya dari Residensi Merbok, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan kawasan berhampiran.

Pengesahan aduan dan siasatan menyeluruh PBAPP telah mendedahkan perkara berikut:

- Kebanyakan penduduk yang terjejas mengalami tekanan air rendah pada waktu puncak apabila permintaan air tinggi.
- Premis kediaman yang terjejas terletak di kawasan tanah tinggi dan/atau hujung saluran paip di mana tekanan air berada pada tahap terendah.
- Terdapat “*air lock*” dalam saluran paip utama yang memerlukan kerja pembaikan “*de-airing*” untuk mengembalikan tekanan air yang sepatutnya.
- Sesetengah premis di estet kediaman ini tidak memasang tangki simpanan air dan/atau membuat sambungan paip “*bypass*”.
- Terdapat juga premis yang mempunyai tangki simpanan air yang tidak diselenggara dengan baik dan ada daripada tangki ini tidak dapat digunakan untuk menyimpan air.

Penyelesaian jangka panjang

PBAPP mengunjurkan permintaan air di SPS akan meningkat seiring dengan peningkatan aktiviti sosio ekonomi. Sehubungan itu, PBAPP merancang melaksanakan beberapa projek rawatan air agar lebih banyak air terawat dihasilkan untuk bekalan di SPS pada masa hadapan.

Potensi hasil projek rawatan air yang dicadangkan ini diunjurkan 569 juta liter sehari (JLH).

- Fasa 2 Naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua (91 juta liter sehari (JLH));
- Pakej 12A, LRA Sungai Dua: Tambahan modul rawatan air baharu (114 JLH);
- Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang (114 JLH);
- Fasa 1 LRA Sungai Muda (114 JLH); dan
- Skim Bekalan Air Sungai Perai Baharu: Proses pra-rawatan (136 JLH).

Memandangkan beberapa projek tertakluk kepada kelulusan, butiran teknikal dan spesifikasi akan diumumkan kemudian.

PBAPP juga perlu menaik taraf sumber pengepamannya dan memasang/mengganti saluran paip utama dari LRA Sungai Dua ke kawasan SPS untuk menyalurkan lebih banyak air terawat pada tekanan yang sesuai ke semua kawasan di SPS pada masa hadapan.

Kerjasama pengguna

Sementara itu, PBAPP ingin mendapatkan kerjasama pengguna air yang terjejas di SPS untuk mengurangkan insiden “tekanan rendah”. Sila maklum bahawa pemasangan tangki simpanan air di premis adalah keperluan mandatori di bawah Seksyen 46 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

Muatan tangki simpanan perlu mematuhi Seksyen 50 Akta yang sama iaitu muatan simpanan tidak kurang daripada permintaan air satu hari berdasarkan Jadual Ketiga Belas seperti berikut:

Jenis Premis/bangunan	Muatan Simpanan Minimum Bagi Satu Hari (Liter)
Rumah Kediaman (Luar Bandar)	800 liter
Rumah Kediaman dan rumah pangsa dengan tangki simpanan individu (Bandar)	1,300 liter
Rumah pangsa dengan tangki simpanan berkongsi	1,000 liter
Rumah Kos rendah (Bandar dan luar Bandar)	800 liter

Semua pengguna air di Pulau Pinang harus menyelenggara tangki air mereka dengan betul untuk mengelakkan isu “tekanan air rendah”. Selain itu, jika gangguan bekalan air tidak berjadual berlaku di kawasan anda, tangki air anda harus mengandungi air yang mencukupi untuk kegunaan anda dalam tempoh 24 jam.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
 Unit Komunikasi Korporat
 Email : syarifah@pba.com.my